

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

PRA PENDAFTARAN

BAHAGIAN PEMASARAN & KOMUNIKASI (BPK)

1. Bagaimana permohonan boleh dibuat?

Permohonan pelajar baharu boleh dibuat melalui link [⇨http://eadmission.kuis.edu.my/](http://eadmission.kuis.edu.my/)

2. Bagaimana Pra-Pendaftaran Online perlu dibuat?

Pra-Pendaftaran Online boleh dibuat sehingga 20 Julai 2020 melalui link *Google Form* (klik link) ⇨ <https://forms.gle/Brzu8csixHUsMs3v5> yang disediakan di laman web KUIS, facebook dan instagram KUIS. Senarai semak pendaftaran (*checklist*) boleh dimuat turun dari laman web KUIS.

3. Adakah permohonan/ pendaftaran *walk-in* dibenarkan?

YA. Selepas 20 Julai 2020, pelajar masih boleh membuat pendaftaran secara *walk-in*. Pelajar boleh membuat permohonan/ pendaftaran secara *walk-in* di KUIS sehingga 24 Julai 2020.

4. Bolehkah calon membuat pertukaran program dan bagaimana caranya?

YA. Calon perlu membuat permohonan pertukaran program sama ada melalui telefon 03-89117000 samb. 2240/1418/1205 atau whatsapp ke 019-3896937 atau emel admission@kuis.edu.my dengan menyatakan nama, no kad pengenalan dan program baharu yang hendak tukar. Calon juga perlu melampirkan kelayakan akademik (whatsapp/ emel).

5. Bolehkah pelajar membuat pendaftaran online walaupun pelajar belum membuat pemeriksaan kesihatan atau belum mendapat keputusan pemeriksaan kesihatan daripada hospital/ klinik?.

YA. Pelajar boleh menghantar laporan kesihatan selewat-lewatnya sebelum mengambil peperiksaan Semester 1.

6. Bolehkah pelajar membuat pemeriksaan kesihatan di Klinik/Hospital swasta?

YA. Pelajar boleh membuat pemeriksaan kesihatan di mana-mana Klinik/Hospital swasta.

7. Bagaimana pelajar boleh mendapatkan nombor pelajar?

Pelajar boleh menyemak nombor pelajar di link <http://www.kuis.edu.my/semakan> dalam tempoh 48 jam selepas melengkapkan *Google Form* pra-pendaftaran.

BAHAGIAN PENGURUSAN HASIL & KEWANGAN PELAJAR (BPHKP)

1. Bilakah pembayaran yuran pendaftaran?

Pembayaran yuran pendaftaran hendaklah dibuat **sebelum atau pada 20 Julai 2020 (Isnin)**.

2. Bagaimana kaedah pembayaran yuran pendaftaran?

Kaedah pembayaran yuran pendaftaran seperti di bawah :

- I. Perbankan Atas Talian IBFT (*Instant Transfer*) **Atau**
(No. Akaun Bank Islam KUIS :12-029-01-003591-4)
- II. Pembayaran *Transfer 3RD Party* IBFT/IBG (Melalui Mesin ATM) **Atau**
(No. Akaun Bank Islam KUIS :12-029-01-003591-4)
- III. Kaunter Cawangan Bank Islam Malaysia Berhad **(No. Akaun Bank Islam KUIS : 12-029-01-005176-4) Atau**

IV. Bill Presentment (<https://www.bankislam.biz/>) **Atau**

***SYARAT:** Pembayar perlu mempunyai akaun BIMB untuk melaksanakan proses pembayaran.

V. Kaedah IPT Presentment (Melalui Mesin ATM)

***SYARAT:** Pembayar perlu mempunyai akaun BIMB untuk melaksanakan proses pembayaran.

3. Sekiranya pembayaran tidak berjaya pada kaedah pembayaran (III),(IV) & (V), apa perlu calon pelajar lakukan?

Mohon merujuk pada soalan no. (2). Mohon gunakan kaedah pembayaran yuran pendaftaran no. (I) & (II).

4. Adakah yuran pendaftaran boleh dibayar melalui KWSP (e-pengeluaran)?

TIDAK.

5. Berapakah yuran pendaftaran?

Yuran pendaftaran bagi pelajar warganegara Malaysia berjumlah RM650.00 manakala bagi Alumni KUIS yang pernah melanjutkan pengajian di KUIS berjumlah RM500.00.

6. Sekiranya calon pelajar telah membuat pembayaran yuran pendaftaran berjumlah RM1,000.00, bagaimana lebihan bayaran tersebut?

Lebihan bayaran tersebut akan ditolak daripada yuran pengajian.

KOLEJ KEDIAMAN, PUSAT HAL EHWAL MAHASISWA (PHEM)

1. Adakah pelajar perlu tinggal di Kolej Kediaman?

YA. Pelajar perlu hadir ke KUIS dan tinggal di Kolej Kediaman kerana sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah secara dalam talian dan bersemuka.

2. Adakah pelajar diberi kelonggaran untuk memohon pengecualian tinggal di asrama dengan alasan tinggal berdekatan/ tiket mahal/ kerisauan Covid-19 dan sebagainya?

TIDAK. Pelajar perlu datang pada tarikh yang ditetapkan bagi memastikan pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan sempurna. Sekiranya terdapat sebarang masalah boleh hubungi Pengarah PHEM di emel bkpm@kuis.edu.my.

3. Bolehkah pelajar memilih jenis bilik di Kolej Kediaman bagi membolehkan ibu bapa membuat bajet kewangan?

TIDAK. Pelajar tidak dibenarkan memilih jenis bilik. Bilik di Kolej Kediaman ditetapkan oleh pihak Pusat Hal Ehwal Mahasiswa (PHEM).

4. Adakah pelajar daripada Sabah dan Sarawak perlu menjalani kuarantin di asrama?

TIDAK. Keperluan kuarantin adalah tertakluk kepada arahan KPT dari semasa ke semasa.

5. Bolehkah pelajar membawa kenderaan sendiri (kereta/ motor)?

TIDAK. Hanya pelajar tahun akhir sahaja dibenarkan membawa kenderaan.

HARI PENDAFTARAN

BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)

1. Bolehkah pelajar menghantar Borang-borang Pendaftaran, Bahagian Pengurusan Akademik semasa hari masuk Kolej Kediaman?

YA. Pelajar akan menghantar Borang-borang Pendaftaran pada hari pendaftaran Kolej Kediaman di **kaunter serahan dokumen**.

2. Adakah pelajar perlu membawa dokumen asal sijil-sijil akademik semasa pendaftaran Kolej Kediaman?

WAJIB. Pelajar perlu membawa sijil asal akademik bagi proses semakan.

BAHAGIAN PENGURUSAN HASIL & KEWANGAN PELAJAR (BPHKP)

1. Bila pelajar akan mendapat salinan resit rasmi pembayaran yuran pendaftaran?

Resit rasmi pembayaran yuran pendaftaran akan diberikan kepada pelajar semasa hari pendaftaran.

KOLEJ KEDIAMAN, PUSAT HAL EHWAL MAHASISWA (PHEM)

1. Adakah ibu bapa dibenarkan untuk menghantar pelajar ke Kolej Kediaman?

YA. Ibu bapa/ penjaga boleh menghantar pelajar ke Kolej Kediaman. Walau bagaimana pun, bilangan waris yang boleh menghantar pelajar adalah dua (2) orang sahaja dan perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

SELEPAS HARI PENDAFTARAN

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM)

1. Bagaimanakah pelajar boleh mendaftar akaun Portal Pelajar?

Semua pelajar perlu mendaftar akaun Portal Pelajar melalui <http://lms.kuis.edu.my> Taklimat berkaitan pendaftaran Portal Pelajar akan diberikan selepas pelajar mendaftar di KUIS.

BAHAGIAN PENGURUSAN INSAN (BMI)

1. Adakah semua pelajar baharu akan menerima kad pelajar KUIS?

YA, semua pelajar baharu akan menerima kad pelajar KUIS. Walaubagaimanapun, proses penyediaan dan pengambilan kad pelajar KUIS untuk pelajar baharu akan dimaklumkan kepada pelajar dari semasa ke semasa melalui Portal Pelajar atau emel pelajar.

BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)

1. Bilakah pelajar baharu boleh membuat urusan pemindahan kredit (*transfer kredit*)?

Pelajar baharu boleh memohon pemindahan kredit, dalam masa empat (4) minggu selepas pelajar mendaftar.

2. Bagaimana pelajar boleh menukar program pengajian?

Pelajar boleh membuat permohonan pertukaran program pengajian di Seksyen Pengurusan Pengajian Pelajar (SPPP), Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) di Aras 1 Blok Pentadbiran bermula 24 Julai 2020.

BAHAGIAN PENGURUSAN HASIL & KEWANGAN PELAJAR (BPHKP)

1. Bilakah perlu membayar yuran pengajian?

Yuran pengajian boleh mula dibayar sebaik sahaja jumlah yuran dibilkan dalam Penyata Tuntutan Pelajar (*Student Statement of Accounts*) di Portal Pelajar. Bayaran secara ansuran adalah dibenarkan sehingga 2 minggu sebelum tarikh peperiksaan akhir.

PUSAT HAL EHWAL MAHASISWA (PHEM)

1. Bilakah permohonan PTPTN boleh dibuat?

Permohonan PTPTN boleh dibuat secara dalam talian (*online*) di laman sesawang PTPTN bermula 1 Julai 2020 hingga 31 Julai 2020 (Ambilan Kedua)

Pertanyaan lanjut, boleh hubungi Seksyen Kewangan (Tajaan & Kebajikan), Pusat Hal Ehwat Mahasiswa di talian sambungan 1434/3337 dan melalui emel mohdshukri@kuis.edu.my.

3. Adakah pelajar perlu memohon sendiri atau pihak KUIS yang uruskan PTPTN, tarikh akhir permohonan ambilan kedua sehingga 31 Julai 2020

YA. Pelajar perlu memohon sendiri pinjaman PTPTN di laman sesawang PTPTN secara dalam talian (*online*) sehingga selesai permohonan.

4. Bagaimanakah pelajar Matrikulasi ingin memohon Tajaan Tabung Khas KUIS (TKK)?

Pegawai Pusat Hal Ehwat Mahasiswa akan mengedarkan borang kepada pelajar selepas minggu ke-2 sesi pengajian dan taklimat berkaitan tajaan TKK akan dijalankan oleh Pegawai Pusat Hal Ehwat Mahasiswa. Hebahan maklumat akan dimuat naik di portal pelajar.

5. Adakah disediakan program atau aktiviti bagi mengurangkan tekanan pelajar dalam menjalani pembelajaran di dalam talian di kolej kediaman.?

YA. Pelajar-pelajar boleh melakukan aktiviti yang dibenarkan seperti berjoging, bermain badminton dan segala permainan yang tidak melibatkan sentuhan tertakluk kepada arahan semasa pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

6. Adakah disediakan perkhidmatan kaunseling untuk pelajar sekiranya diperlukan?

YA. Pusat Hal Ehwal Mahasiswa menyediakan perkhidmatan kaunseling secara bersemuka dan juga secara dalam talian.

UJIAN PENEMPATAN BAHASA INGGERIS / BAHASA ARAB (APT/EPT)

1. Bilakah boleh saya mendaftar untuk APT/ EPT?

Pendaftaran APT/EPT boleh dibuat atas talian di pautan <https://forms.gle/PRK4fvteqMJO5Yy88>

Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan.

2. Adakah semua pelajar perlu mengambil APT/ EPT?

TIDAK. Pelajar yang **WAJIB** mendaftar dan mengisi borang saringan adalah pelajar yang mendaftar **Diploma dan Ijazah Sarjana Muda** sahaja. Pelajar yang mendaftar untuk program Matrikulasi tidak perlu mendaftar APT/EPT.

3. Berapakah caj bayaran APT/ EPT?

Bayaran *Arabic Placement Test* (APT) adalah RM10 dan *English Placement Test* (EPT) adalah RM10.

Namun, pembayaran akan dimasukkan **di dalam penyata yuran pelajar**. Pelajar tidak perlu membuat pembayaran yang berasingan.

4. Siapakah yang saya boleh hubungi untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai APT/EPT?

Pelajar boleh hubungi penyelarass APT, Ust. Muhammad Hashimee di talian 0193828362 atau penyelarass EPT, Cik Shafiqah di talian 01115021201.

FAKULTI/ PUSAT

1. Bagaimanakah kaedah pembelajaran pelajar di KUIS?

Kaedah pembelajaran pelajar baharu (semester 1) seperti yang telah disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu:

- a. Menghadiri kelas bersemuka dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- b. Pembelajaran dalam talian (*online*) dengan menggunakan aplikasi seperti berikut:
 1. *Whatsapp*
 2. *Telegram*
 3. *Google Meet*
 4. *Zoom*

2. Apakah kemudahan pembelajaran yang disediakan?

- *Wifi* secara percuma
- Makmal komputer
- Perpustakaan Iman Al-Syafi'i
- Bahan nota pembelajaran di dalam Portal Pelajar.

3. Waktu operasi Fakulti/ Pusat

Isnin hingga Khamis dari pukul 8.00 pagi hingga 5.30 petang.

Rehat : 1.00 hingga 2.00 petang

Jumaat dari pukul 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari.

2.45 petang hingga 5.30 petang

Rehat : 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang

4. Pegawai yang boleh dihubungi di Fakulti/ Pusat

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

- Pejabat Fakulti Pengajian Peradaban Islam: 03-8911 7000 sambungan 4321/ 4322/ 4323; atau E-mel: aishah@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Dr. Kamal Azmi bin Abd. Rahman: 03-8911 7000 sambungan 3539 / Whatsapp: 019-248 0564

FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG (FSU)

- Pejabat Fakulti Syariah dan Undang-Undang: 03-8911 7000 sambungan 6313/ 6308; atau E-mel: hasdillah@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Encik Muhammad Subari bin Ramli: 03-8911 7000 sambungan 3522 / Whatsapp: 014-223 7503

FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH (FPM)

- Pejabat Fakulti Pengurusan dan Muamalah: 03-8911 7000 sambungan 3214/ 3321; atau E-mel: zettymurni@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Encik Mohammed Rizki bin Moi: 03-8911 7000 sambungan 2237 / Whatsapp: 019-991 4440

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSTM)

- Pejabat Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat: 03-8911 7000 sambungan 3303/ 3321/ 3349; atau E-mel: norazreen@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Dr. Siti Zaharah binti Mohid: 03-8911 7000 sambungan 1320 / Whatsapp: 019-214 8490

FAKULTI PENDIDIKAN (FP)

- Diploma Perguruan (Pendidikan Islam) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian) - Sila hubungi Ketua Jabatan, Ustaz Izzuddin di talian +6019-375 9094 atau emel ke mohdizzuddin@kuis.edu.my atau hubungi Ketua Program, Ustazah Haslina di talian +6019-642 6394 atau emel ke haslina@kuis.edu.my.

- Diploma Perguruan (TESL) dan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua dengan Multimedia (Kepujian) - Sila hubungi Ketua Jabatan, Puan Julia di talian +6017-256 3860 atau emel ke julia@kuis.edu.my atau hubungi Ketua Program Cik Natasha di talian +6012-355 2732 atau emel ke Natasha@kuis.edu.my.
- Pejabat Fakulti Pendidikan: 03-8911 7000 sambungan 2234/ 1310 atau talian terus 03-8911 7236; atau emel ke rusmiha@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Encik Ahmad Shafiq bin Mat Razali: 03-8911 7000 sambungan 1304 / Whatsapp: 013-310 7390

PUSAT MATRIKULASI (PM)

- Pejabat Pusat Matrikulasi: 03-8911 7000 sambungan 3309/ 2116; atau E-mel: sitizulaiha@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Encik Nor Effendy bin Ahmad Sokri: 03-8911 7000 sambungan 3308 / Whatsapp: 012-224 7496

PUSAT PENGAJIAN TERAS (PPT)

- Pejabat Pusat Pengajian Teras: 03-8911 7000 sambungan 4121/ 4118; atau E-mel: anijalil@kuis.edu.my
- Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) Encik Maad Ahmad: 03-8911 7000 sambungan 4119 / Whatsapp: 017-392 7991

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

14 Julai 2020